

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/08/2017C

Tolak Ketuanan Melayu, iktiraf Malaysian Malaysia

Tun M dicabar nyata pendirian

UM - 27/8/2017 PG. 10

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdaron.mustapha@utusan.com.my

■ KLANG 26 OGOS

PENOLAKAN Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap konsep ketuanan Melayu di akhir-akhir sisa usianya membuktikan bekas Perdana Menteri tersebut sanggup menjadi seorang yang liberal demi meraih undi bangsa lain, sekali pun bangsanya sendiri perlu menangis.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid mencabar Dr. Mahathir agar menyatakan pendiriannya, apakah dengan penolakan ketuanan Melayu tersebut bererti beliau mengiktiraf konsep Malaysian Malaysia serta kesamarataan yang diperjuangkan DAP.

"Takkan kerana berkawan dengan DAP (sanggup buang ketuanan Melayu). Saya fikir Tun anggap itu strategi untuk raih sokongan dalam Pakatan Harapan, nak keluar daripada kepompong ultra Melayu dan nak jadi liberal yang boleh terima apa juga konsep (dalam pakatan).

"Kalau Tun nak jadi macam itu saya nak tanya Tun terimakah Malaysian Malaysia dan kesamarataan yang dibawa Lim Kit Siang? Kalau terima tak perlu adalah hak keistimewaan orang Melayu yang terjamin dalam Perlembagaan," katanya kepada pemberita selepas



MAHDZIR KHALID (empat dari kanan), Nasaruddin M. Zin (empat dari kiri) dan Ketua Pemuda UMNO Selangor, Zainuri Zainal (kanan) bersama perwakilan selepas Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Klang, di Klang, Selangor, semalam. - MINGGUAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Klang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Klang, Datuk Nasaruddin M. Zin.

Dr. Mahathir ketika berucap dalam forum yang dianjurkan oleh Institut Rakyat di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor malam semalam berkata, beliau tidak percaya kepada ketuanan Melayu.

Beliau dipetik sebagai berkata: "Saya tak percaya kepada 'ketuan-

an Melayu'. Saya pernah beritahu (Presiden Perkasa) Datuk Ibrahim Ali bahawa jika anda pemandu, orang di belakang anda adalah tuan.

Mengulas lanjut, Mahdzir menjelaskan ini bukan kali pertama bekas Perdana Menteri itu melakukan pusingan U dalam politik dan rakyat boleh menilai betapa Dr. Mahathir sanggup menggadaikan prinsip hidupnya demi melunaskan dendam politik kepada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ujarnya, apa yang dilakukan bekas Perdana Menteri itu sungguh

ironi kerana beliau adalah penulis buku *Malay Dilemma* yang diakui begitu keras dalam soal memperjuangkan hak orang Melayu, selain tegar mengangkat idea ketuanan Melayu selama 22 tahun memimpin negara.

"Dari muda Tun memperjuangkan ketuanan Melayu takkanlah selepas berumur 92 tahun baru tersedar? Kita hormat bangsa lain tetapi Melayu adalah majoriti dan sudah tentu kita perlu mendominasi politik tanpa meninggalkan kaum-kaum yang lain," jelasnya.